

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 51**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian memastikan satu sistem yang lebih kemas diadakan untuk penjualan tiket penumpang bot-bot laju dari Menumbok, Sabah ke Labuan. Ini kerana, keadaan di Menumbok, Sabah tidak seperti di Labuan yang mempunyai sistem yang baik yang telah banyak membangkitkan kemarahan kepada pengguna.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengurusan Terminal Feri Menumbok, Sabah adalah dikawal selia oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga (JPDS), Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Pihak JPDS telah menyediakan ruangan khas kepada pengusaha-pengusaha bot-bot laju untuk penjualan tiket yang mana sebelum ini penjualan tiket adalah di luar kawasan terminal yang jauh daripada pengawasan JPDS.

Mengikut JPDS, penjualan tiket penumpang bot-bot laju pada masa ini adalah dilakukan sendiri oleh operator secara manual. Bagi menambah baik sistem penjualan tiket khususnya bagi bot-bot laju, pihak JPDS merancang mewujudkan sistem penjualan tiket secara berkomputer seperti mana yang telah digunakan di Terminal Feri Wilayah Persekutuan Labuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ INDERA MAHKOTA ]**  
**TARIKH : 8 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian ada perancangan untuk mendirikan banyak lagi pengkhususan hospital-hospital pakar seperti IJN yang merupakan hospital "*patient-friendly*". Bilakah akan didirikan hospital pakar khusus bagi penyakit-penyakit seperti penyakit buah pinggang, penyakit paru-paru, barah dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan hospital "*Patient-Friendly*", dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk inisiatif Hospital Rakan Bayi, Hospital Mesra Ibadah, hospital mesra kepada pesakit-pesakit berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU), warga emas, ibu hamil dan bayi.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun mempunyai Hospital Rehabilitasi Cheras, empat (4) buah Hospital Psikiatri (Hospital Bahagia, Hospital Permai, Hospital Sentosa dan Hospital Bukit Padang), Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Institut Kanser Negara Putrajaya dan Pusat Darah Negara. Hospital Kuala Lumpur (HKL) juga mempunyai beberapa institut perubatan seperti Institut Urologi-Nefrologi, Institut Neurologi, Institut Radioterapi dan Onkologi serta Institut Perubatan Respiratori. Institut Jantung Negara pula adalah diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan.

KKM belum ada perancangan untuk membina hospital pakar khusus bagi penyakit-penyakit seperti penyakit buah pinggang, hati dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit buah pinggang, hati dan lain-lain masih boleh menerima rawatan di hospital-hospital berpakar berdekatan yang menyediakan pakar perubatan terlatih dalam bidang berkaitan.